



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN IRSYAD AL-HUKMI

PANDANGAN HUKUM MENGENAI PENGKEBUMIAN JENAZAH YANG TIDAK MENGIKUT ARAH KIBLAT

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti persoalan mengenai kes 2 jenazah yang dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kariah Masjid Aisyah, Sungai Menghulu, Langkawi pada 6 dan 23 Mei 2022 dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Mengurus jenazah orang Islam merupakan suatu tuntutan fardhu kifayah ke atas setiap orang Islam. Apabila selesai dimandi, dikafan dan disolatkan, jenazah hendaklah dikebumikan dalam keadaan menghadap ke arah kiblat berdasarkan hadis Nabi ﷺ yang menerangkan tentang Baitul Haram. Baginda bersabda;

قِبَلْتُكُمْ أَحْيَاءً وَمَوْاتًا (رواه البيهقي)

Maksudnya; *Kiblat bagi kamu semua samada yang masih hidup atau telah meninggal dunia.*

2. Menurut pandangan ulama' mazhab Syafie, **wajib** menempatkan jenazah dalam keadaan menghadap ke arah kiblat apabila mengebumikannya dengan syarat sebelum berlaku sebarang perubahan ke atas jasad jenazah. Namun, sekiranya telah berubah, **tidak harus** untuk menggali semula kubur jenazah tersebut berdasarkan pandangan Imam Khatib as Syarbini;

"فَلَوْ جَهَ لِغَيْرِهَا نَبَشَ وَجْهَ لِلْقَبْلَةِ وَجْوَابًا إِنْ لَمْ يَتَغَيِّرْ، وَإِلَّا فَلَا يَنْبَشَ".


[مغني المحتاج: 2 / 38]

Maksudnya: *Sekiranya dihadapkan jenazah berpaling daripada arah kiblat maka wajib dihadapkan ke arah kiblat jika tidak berubah (jasad jenazah), namun jika berubah (jasad jenazah) maka tidak wajib digali semula.*

3. Merujuk situasi kes yang berlaku di Tanah Perkuburan Islam Kariah Masjid Aisyah, Sungai Menghulu, Langkawi, maka Jabatan Mufti Negeri Kedah berpandangan seperti berikut;
 - i) Jawatankuasa Kariah hendaklah memastikan pengurusan jenazah dilaksanakan dengan teratur serta mengikut tuntutan syarak lebih-lebih lagi dalam memastikan kedudukan jenazah menghadap ke arah kiblat.

- ii) Pengkebumian kedua-dua jenazah yang dimaksudkan oleh pemohon telah berlalu dalam suatu tempoh yang pada adatnya keadaan jasad jenazah telah berubah dan mengalami proses pereputan. Dalam hal ini, Jawatankuasa Kariah dilarang menggali semula untuk memperbetulkan arah kiblatnya.
- iii) Justeru, Jabatan ini menasihatkan supaya pihak Jawatankuasa lebih prihatin dan berhati-hati melaksanakan tanggungjawab pada masa hadapan dalam usaha mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan penduduk setempat. والله تعالى أعلم

Disahkan oleh;


DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL B. HJ. AWANG,

DPSS., DSDK., AMK., BCK.

Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

6 Julai 2022 bersamaan 6 Zulhijjah 1443